



Bilangan KandJPPPW/POL/2400/02

23 Ogos 2013

Pemegang Lesen Perniagaan Perkhidmatan Wang

Tuan/Puan

**SYARAT-SYARAT LESEN DI BAWAH SEKSYEN 10(2)  
AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011**

Bank Negara Malaysia (Bank) ingin memaklumkan bahawa sebuah persatuan perniagaan perkhidmatan wang pada taraf kebangsaan, iaitu Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (PPPWM) telah ditubuhkan pada 22 Ogos 2013.

2. Penubuhan PPPWM bertujuan untuk menggalakkan modernisasi dan profesionalisme industri demi meningkatkan imej, reputasi dan keyakinan awam dalam industri. Di antara objektif-objektif PPPWM adalah untuk mewakili kepentingan peserta industri dari semua kelas lesen terutamanya dalam hal-hal berkenaan pelaksanaan perniagaan perkhidmatan wang, serta untuk menangani isu-isu mengenai pembangunan industri dan kebijakan peserta industri bagi membantu mereka menjadi lebih kukuh, profesional dan berdaya saing.

3. Persatuan tersebut juga akan merupakan pengantara bagi pihak industri untuk komunikasi yang konstruktif dengan pihak Bank mengenai perkara-perkara berkenaan perkembangan pengawalseliaan, bagi memastikan pelaksanaan keperluan pengawalseliaan yang berkesan dan konsisten untuk industri. Di samping itu, peserta industri juga akan mendapat manfaat daripada program pendidikan dan latihan yang disediakan oleh persatuan mengenai amalan terbaik untuk kawalan dan pengurusan risiko perniagaan, serta program-program berkenaan Pencegahan pengubahan wang haram / pembanterasan pembiayaan keganasan dan perlindungan pengguna. Ini akan membantu dan memudahkan peserta industri mematuhi undang-undang serta keperluan pengawalseliaan dalam menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang, dan mencegah operasi perniagaan daripada terdedah kepada risiko untuk dijadikan sebagai saluran untuk aktiviti-aktiviti haram.

4. Sehubungan dengan ini, menurut seksyen 10(2) di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (Akta), Bank Negara Malaysia mengenakan syarat ke atas semua pemegang lesen untuk menjadi ahli kepada Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia.

5. Untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara di atas, sila hubungi pegawai-pegawai berikut:

- |                                     |                       |
|-------------------------------------|-----------------------|
| a. Encik Mohd Izwan Ali Mohd Long   | 03-26988044 ext. 7384 |
| b. Encik Christopher Lee Choon Keat | 03-26988044 ext. 7342 |

Yang benar



(Jessica Chew Cheng Lian)  
Penolong Gabenor  
Bank Negara Malaysia